

Penyampai : DATO SERI DR SITI HASMAH BINTI HJ MOHD ALI
Tajuk : MAJLIS PENUTUP / SAMBUTAN OPEN MINDS 2002
Lokasi : PETRONAS TWIN TOWERS, KUALA LUMPUR
Tarikh : 06-03-2002

Saya amat berbangga kerana berpeluang menghadiri majlis hari ini bersama rakan taulan daripada Procter & Gamble. Saya juga ingin menyatakan bahawa pemilihan lokasi majlis ini amat bersesuaian sekali kerana kanak-kanak ini telah diberi peluang mengenali kecanggihan alam sains dalam persekitaran unik ini.

2. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan syabas atas pembentukan program pendidikan khas Open Minds, yang kini memasuki tahun ketiganya.

3. Pada tahun lepas, Open Minds, dalam tahun ketiga operasinya, telah berikrar akan memungut derma sebanyak RM500,000.00 bagi menyokong pendidikan kanak-kanak khas di Malaysia. Saya dimaklumkan bahawa sasaran awal ini telahpun diatasi dan jumlah kutipan ini menjangkau RM555,488.62.

4. Oleh itu, saya mengambil kesempatan ini untuk memberi pengiktirafan kepada kakitangan P&G kerana telah sudi menyumbang masa, tenaga, emosi dan wang ke dalam Open Minds - suatu usaha korporat murni oleh sebuah syarikat multinasional di Malaysia, yang bukan sahaja berjaya mengumpul RM2 juta dalam masa tiga tahun, tetapi yang pentingnya, telah merubah corak pendidikan khas di negara ini.

5. Saya amat mengagumi segala usaha terhadap Open Minds yang jelas kelihatan melalui pameran mininya. Walaupun sumbangan ini berbeza dari segi nilai wang ringgit, saya yakin ia telah membawa perubahan yang amat bermakna kepada kanak-kanak khas ini. Saya telah menyaksikan pembinaan sekolah-sekolah, penyediaan pengangkutan, dan juga pengubahsuaian ke atas beberapa bilik darjah untuk memuatkan tandas bagi kegunaan kanak-kanak ini. Saya juga amat berbangga melihat usaha Open Minds dalam memberi peluang pendidikan kepada kanak-kanak di kawasan pedalaman melalui penyediaan kemudahan pendidikan asas dan latihan. Segala usaha anda ini amat disanjung.

6. Pendidikan merupakan satu perkara yang sedang mengalami transformasi pesat di Malaysia dan ia turut merupakan kunci kejayaan, asas kemajuan dan penggalak pembangunan sosio-ekonomi negara kita di masa hadapan.

7. Meskipun kita menggalakkan pendidikan di kalangan muda-mudi kita, terdapat segelintir masyarakat yang sedang, ataupun "dahulunya", ketinggalan. Kanak-kanak khas memerlukan perhatian lebih, belaian mesra, peralatan dan kaedah pendidikan yang berlainan. Di sini, Malaysia amat bertuah kerana memiliki segolongan individu dan sukarelawan korporat yang kian meningkat bilangan anggotanya, seperti Procter & Gamble, untuk "mengisi kekosongan itu".

8. Para hadirin sekalian, melalui pengubahsuaian ke atas kaedah dan teknik pendidikan tertentu yang menepati keperluan kanak-kanak khas ini, mereka berupaya menjadi lebih berdikari, meneruskan hidup dengan produktif dan menjadi insan yang berguna dan produktif buat Malaysia.

9. Saya amat berterima kasih dan menghargai program-program seperti Open Minds atas penglibatan mereka bagi menyediakan sumbangan berterusan dalam arena pendidikan kanak-kanak khas.

10. Sambil kita menyaksikan kemajuan dan pembangunan program Open Minds dalam masa akan datang, saya ingin mengucapkan syabas sekali lagi kepada P&G dan kesemua rakannya atas segala komitmen dan kemurahan hati mereka yang benar-benar menggambarkan semangat "masyarakat penyayang".

11. Daripada manfaat ketara seperti membeli bas-bas baru, pembinaan bangunan dan sistem terapi muzik, kepada manfaat terselindung seperti penggalakan penyatupaduan dan integrasi di kalangan kanak-kanak dari pelbagai latar belakang dan budaya menerusi berbagai aktiviti kreatif, Open Minds telah - dan akan sentiasa - memberi perubahan yang bermakna.

12. Dari pelbagai aspek, saya menganggap Open Minds sebagai pencetus pendidikan bagi kanak-kanak khas.

Selaras dengan wawasan Kerajaan untuk meningkat dan menetapkan piawaian baru dalam pendidikan khas yang unggul, Open Minds dan Kementerian Pendidikan telah mengambil tiga sekolah dan sedang membentuk mereka menjadi "sekolah contoh". Saya difahamkan bahawa "sekolah contoh" ini akan mempunyai kurikulum piawai yang unggul dan akan menjadi kayu pengukur bagi sekolah- sekolah lain.

13. Seperti yang telah saya sebutkan tadi, usaha Open Minds amat inovatif dan wajar diberi pengiktirafan.

Daripada kemasukan "sekolah contoh" kepada pembentukan kurikulum pendidikan khas, Open Minds akan terus berganding bahu dengan Kementerian Pendidikan, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan UNICEF bagi memastikan kanak-kanak khas kita tidak diketepikan dan mempunyai kehidupan yang penuh bermakna.

14. Majlis hari ini menandakan satu detik pencapaian yang harus disambut dengan meriah. Dengan ini, saya mengucapkan syabas kepada Procter & Gamble atas program pembangunan negaranya iaitu Open Minds, dan sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat.

Terima kasih.